



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penajaran Kurikulum
Tahun 2020**

**PENDIDIKAN SENI VISUAL
TAHUN 3**

KATA PENGANTAR



Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dijajarkan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat penularan koronavirus (COVID-19). Arahan PKP telah membawa normal baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Dapatan daripada beberapa tinjauan melalui media cetak dan elektronik menunjukkan bahawa PdP secara maya semasa tempoh PKP, tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersistematik. Implikasinya, wujud jurang pembelajaran antara murid. Hal demikian turut menjelaskan penguasaan kandungan, kemahiran dan nilai asas yang diperlukan oleh murid bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya. Oleh itu, penjajaran kurikulum ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku.

Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR. Kandungan DSKP tersebut dibahagikan kepada Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap.

Penjajaran kandungan kurikulum ini bertujuan memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala kandungan tambahan dan kandungan pelengkap berperanan menyokong keseluruhan pembelajaran bagi kandungan sesuatu mata pelajaran melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai mampu menghasilkan PdP yang lebih fleksibel tanpa mengabaikan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar guru dapat memastikan kandungan DSKP disampaikan kepada murid seterusnya merealisasikan hasrat dan matlamat mata pelajaran KSSR. Kementerian Pendidikan Malaysia juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penjajaran kandungan DSKP KSSR bagi kegunaan tahun 2020.

DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
Bidang Menggambar <ul style="list-style-type: none"> i. Lukisan ii. Montaj iii. Kolaj iv. Gurisan 	<p>1.1 Bahasa Seni Visual</p> <p>1.1.1 Mengenal pasti dan menghubungkait penggunaan garisan, ruang, kepelbagaiannya serta ritma dan pergerakan melalui karya lukisan dalam Bidang Menggambar.</p> <p>1.1.2 Mengenal pasti dan menyatakan penggunaan bentuk, ruang, imbalan dan kesatuan melalui karya montaj dalam Bidang Menggambar.</p> <p>1.1.3 Menghuraikan dan menghubungkaitkan penggunaan jalinan, warna, kontra dan kepelbagaiannya melalui karya kolaj dalam Bidang Menggambar.</p> <p>1.1.4 Mengecam dan menjelaskan penggunaan garisan, rupa, kepelbagaiannya serta harmoni. melalui karya gurisan dalam Bidang Menggambar.</p>	<p>3.1 Penghasilan Karya Kreatif</p> <p>3.1.1 Menghasilkan karya kreatif dalam Bidang Menggambar berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penentuan tema dan tajuk. (ii) penjanaan idea. (iii) pelaksanaan proses. (iv) kemasan akhir. <p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat ulasan karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkaitkan seni dengan diri sendiri, alam sekitar dan disiplin ilmu yang lain.</p>	<p>5.1 Persempahan Hasil Karya</p> <p>5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) menentukan lokasi pameran. (ii) mengumpul dan memilih karya. (iii) membuat kapsyen. (iv) melabel kapsyen. (v) menyusun atur karya. <p>5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.</p> <p>5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan semasa pameran.</p> <p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>2.1 Kemahiran Seni Visual</p> <p>2.1.1 Mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual melalui penerokaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya Bidang Menggambar menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) teknik garisan silang pangkah dalam penghasilan karya lukisan. (ii) teknik guntingan dan tampalan dalam penghasilan karya montaj. (iii) teknik tampalan dalam penghasilan karya kolaj. (iv) teknik gurisan dalam penghasilan karya gurisan. 		pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.
Bidang Membuat Corak dan Rekaan <ul style="list-style-type: none"> i. Capan ii. Renjisan dan Percikan 	<p>1.1 Bahasa Seni Visual</p> <p>1.1.5 Mengenal pasti dan mengkelaskan penggunaan rupa, jalinan, kontra dan</p>	<p>3.1 Penghasilan Karya Kreatif</p> <p>3.1.2 Menghasilkan corak rekaan kreatif dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan</p>	<p>5.1 Persembahan Hasil Karya</p> <p>5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan dengan:</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>kepelbagaiannya melalui karya capan dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan.</p> <p>1.1.6 Menyatakan dan menjelaskan penggunaan jalinan, warna, harmoni dan kontra melalui karya renjisan dan percikan dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan.</p> <p>2.1 Kemahiran Seni Visual</p> <p>2.1.2 Mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual melalui penerokaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya Bidang Membuat Corak dan Rekaan menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) teknik capan dalam merancang penghasilan reka corak bagi rekaan produk berfungsi. (ii) teknik renjisan dan percikan dalam merancang penghasilan reka 	<p>berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penentuan tema dan tajuk. (ii) penjanaan idea. (iii) pelaksanaan proses. (iv) kemasan akhir. <p>3.1.3 Menghasilkan rekaan produk yang berfungsi secara kreatif dan inovatif dalam Bidang Membuat Corak dan Rekaan berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penentuan tema dan tajuk. (ii) penjanaan idea. (iii) pelaksanaan proses. (iv) kemasan akhir. <p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat ulasan karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkaitkan seni dengan diri sendiri, alam sekitar dan disiplin ilmu yang lain.</p>	<ul style="list-style-type: none"> (i) menentukan lokasi pameran. (ii) mengumpul dan memilih karya. (iii) membuat kapsyen. (iv) melabel kapsyen. (v) menyusun atur karya. <p>5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.</p> <p>5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan semasa pameran.</p> <p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	corak bagi rekaan produk berfungsi.		
Bidang Membentuk dan Membuat Binaan i. Mobail ii. Boneka	<p>1.1 Bahasa Seni Visual</p> <p>1.1.7 Menghuraikan dan membezakan penggunaan bentuk, warna, kepelbagaiannya serta ritma dan pergerakan melalui karya mobail dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan.</p> <p>1.1.8 Menunjukkan dan menjelaskan penggunaan bentuk, jalinan,imbangan dan penegasan melalui karya boneka dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan.</p> <p>2.1 Kemahiran Seni Visual</p> <p>2.1.3 Mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual melalui penerokaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya Bidang Membentuk dan Membuat Binaan</p>	<p>3.1 Penghasilan Karya Kreatif</p> <p>3.1.4 Menghasilkan karya kreatif dalam Bidang Membentuk dan Membuat Binaan berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penentuan tema dan tajuk. (ii) penjanaan idea. (iii) pelaksanaan proses. (iv) kemasan akhir. <p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat ulasan karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkaitkan seni dengan diri sendiri, alam sekitar dan disiplin ilmu yang lain.</p>	<p>5.1 Persembahan Hasil Karya</p> <p>5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) menentukan lokasi pameran. (ii) mengumpul dan memilih karya. (iii) membuat kapsyen. (iv) melabel kapsyen. (v) menyusun arut karya. <p>5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.</p> <p>5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi pandangan karya rakan semasa pameran.</p> <p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) teknik ikatan dan teknik asemblaj dalam merancang karya mobail. (ii) teknik potongan dan teknik asemblaj dalam merancang karya boneka. 		<p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>
Bidang Mengenal Kraf Tradisional: <ul style="list-style-type: none"> i. Anyaman ii. Alat Pertahanan Diri 	<p>1.1 Bahasa Seni Visual</p> <p>1.1.9 Menyenaraikan dan menghubungkait penggunaan garisan, jalinan, kontra dan harmoni melalui karya anyaman dalam Mengenal Kraf Tradisional.</p> <p>1.1.10 Mengecam dan menjelaskan penggunaan jalinan, bentuk, imbalan dan kepelbagaiannya melalui karya alat pertahanan diri dalam Bidang Mengenal Kraf Tradisional.</p>	<p>3.1 Penghasilan Karya Kreatif</p> <p>3.1.5 Menghasilkan kraf kreatif dalam Bidang Mengenal Kraf Tradisional berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penentuan tema dan tajuk. (ii) penjanaan idea. (iii) pelaksanaan proses. (iv) kemasan akhir. <p>4.1 Penghayatan Karya Seni Visual</p> <p>4.1.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>4.1.2 Membuat ulasan karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses serta menghubungkaitkan</p>	<p>5.1 Persembahan Hasil Karya</p> <p>5.1.1 Merancang persediaan pameran seni visual dalam kumpulan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) menentukan lokasi pameran. (ii) mengumpul dan memilih karya. (iii) membuat kapsyen. (iv) melabel kapsyen. (v) menyusun arut karya. <p>5.1.2 Menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.</p> <p>5.1.3 Menceritakan karya sendiri dan memberi</p>

Tajuk	Standard Kandungan / Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>2.1 Kemahiran Seni Visual</p> <p>2.1.4 Mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual melalui penerokaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya Bidang Mengenal Kraf Tradisional menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) teknik anyaman dalam merancang penghasilan produk berfungsi. (ii) teknik binaan dalam penghasilan model alat pertahanan diri. 	<p>seni dengan diri sendiri, alam sekitar dan disiplin ilmu yang lain.</p>	<p>pandangan karya rakan semasa pameran.</p> <p>5.1.4 Memastikan karya dan alat pameran selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.</p> <p>5.1.5 Menyusun bahan dan alatan pameran seni serta memastikan ruang pameran bersih selepas pameran dilaksanakan.</p>

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917